

### BAHAGIAN PINJAMAN DALAM ISLAM

#### 1) Al-Ariyah (pinjaman)

\***Bahasa** : Perpindahan

\***Istilah** : Memberikan manfaat sesuatu benda yang halal kepada orang lain dengan tidak merosakkan keadaan asal benda itu apabila dipulangkan semula kepada pemilik asal.

\***Contoh** :- A meminjamkan keretanya kepada B selama sebulan. Selepas sebulan, B perlu memulangkan semula kereta A dalam keadaan yang asal diterimanya tanpa sebarang kerosakan.

#### 2) Al- Qard (hutang)

\***Bahasa** : Potong

\***Istilah** : Memberi milik sesuatu harta sama ada wang atau benda kepada orang lain dan diganti semula tanpa ada sebarang penambahan.

\***Contoh**:- A memberi hutang pada B sebanyak RM10.00 untuk tempoh 2 minggu. Selepas 2 minggu, B memulangkan semula hutang dengan nilai yang sama RM10.00 kepada A dan bukan pulangkan wang kertas yang asal.

### KONSEP PINJAMAN AL-ARIYAH DAN AL-QARD

#### i) Konsep Al-Ariyah

# Pinjaman sesuatu barang bagi tujuan penggunaan manfaat tersebut secara percuma.

# Pemimjam tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan kecuali kecuaian berpunca daripada pemimjam sendiri.

# Barang asal pinjaman yang perlu dipulangkan kepada tuannya dan bukan barang gantian.

# Hanya melibatkan barang yang tidak musnah bila digunakan seperti buku, baju dan sebagainya.

### KONSEP PINJAMAN AL-ARIYAH DAN AL-QARD (cont)

# Jika barang itu sudah musnah seperti sabun, maka akad pinjaman tidak sah.

#### ii) Konsep Al-Qard

# Pinjaman melibatkan barang yang boleh diganti.

# Disebut sebagai salaf (hutang) iaitu pinjaman yang dibayar balik kepada pembiutang tanpa sebarang tambahan.

# Penghutang perlu pulangkan kembali barang pinjaman dalam bentuk gantian bukan bentuk asal.

"Prinsip utama akad Qard adalah *ta'awun* iaitu saling membantu sesama insan untuk ringankan beban golongan yang susah dan memerlukan."

### PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

~ Hutang yang dibuat perlu dicatat untuk memastikan penghutang sedar untuk membayar balik hutang dan rekod pembayaran yang telah dibuat untuk elak penipuan.

~ Dituntut melunaskan semua hutang sebelum mati untuk memudahkan urusan pembahagian harta pusaka secara faraidh.

~ Hutang adalah hak individu tertentu yang wajib dibayar dalam tempoh yang dijanjikan.

~ Tak boleh kenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas kelewatan bayar balik hutang

"Sebarang tambahan terhadap wang atau barang yang diberi pinjam dilarang oleh islam kerana dianggap sebagai riba dan haram dari segi hukum syarak."

### TUJUAN PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASSAN

- Membantu golongan memerlukan

- Memupuk semangat persaudaraan dan keprihatinan

- Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat

"Al-Qard Al-Hassan adalah pinjaman yang baik atau *ikhlas* "

### DALIL BAGI PINJAMAN AI-ARIYAH

فرمان الله تعالى:  
... وَنَعَّلُوْأَعَلَى الْمِنَافِعِ وَلَا نَعَّلُوْأَعَلَى الْأَمْرِ وَالْمُدْرَكِ ...  
(سورة المائدة : 5)

ارتبين: ... دان هندله کامو بر تولوغ تو لوغون او سوق مبیوات کیا جکن دان بر تقوی، دان جا غنه کامو بر تولوغ تو لوغون قد ملاکوکن دوسا (معصیة) دان فنجرو ووهن ...

### HADIS BAGI PINJAMAN AL-ARIYAH

سنة رسول الله ﷺ سباقاً ليمان بعْدَ جرياتِكِ أَوْلَئِكَ هُنَّ أَنَّ الْأَرْبَعَةَ أَسْتَعْفَارٌ فَرَسَّا مِنْ أَيْ طَلْحَةٍ فَرَكِبَهُ.  
(رواية أبي حمزة وأبي مسلم)  
ارتبين: بهاؤنی ﷺ نَلَهُ مِنْ جِهَةِ سَيِّكُورُ كُودا در قد أبي طلحة دان منو غنكشن.

### DALIL BAGI PINJAMAN AL-QARD

فرمان الله تعالى:  
مَنْ ذَا أَلَّا يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَإِذَا عَفَّ اللَّهُ أَعْفَعَهُ كَيْفَ يَرَهُ ...  
(سورة البقرة : 245)

ارتبين: سیفاکاه اور غن بع (ماهو) ممبریکن فینچمن کند الله، سیفاکی فینچمن بع  
باپیق (بغ الخالص) سوپایا الله ملیکت کندانکن بالستن دغن بر کندا- کندا باپیق ...

### HADIS BAGI PINJAMAN AL-QARD

سبدار رسول الله ﷺ در قد آئین سشود ﷺ:  
مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَقْرِضُ مُسْلِمًا قَرْضًا مَرْءَيْنِ إِلَّا كَانَ كَحْدَقَتِهَا مَرَّةً.  
(رواية ابن ماجه وابن حبان)

ارتبين: تیادالله ساوونغ مسلم بع ممبری ساوون هوتن کند مسلم بع لاءین (باتکن  
مندافت کنجرن) سیاپت دوا کالی ملاعینکن (کنجرن) اداله (برسام-سامان)  
سفرتی ممبری ساوون صدقه قد دستیاف کالی هوتن.



By Farah Madiyah  
[cheatography.com/farah-madiyah/](https://cheatography.com/farah-madiyah/)

Published 16th June, 2020.

Last updated 15th June, 2020.

Page 1 of 2.

Sponsored by [CrosswordCheats.com](https://crosswordcheats.com)

Learn to solve cryptic crosswords!

[http://crosswordcheats.com](https://crosswordcheats.com)

### PRINSIP AL-QARD AL-HASSAN

# Pemberian hutang atau pinjaman wang yang bebas daripada unsur riba' dan mengutamakan kebajikan sosial

# Penghutang hanya perlu bayar wang yang dipinjam tanpa faedah

# Mengutamakan sikap toleransi dan prihatin penghutang yang boleh beri saguhati kepada pemutang ketika menjelaskan hutang sebagai tanda terima kasih kerana hulur bantuan dalam keadaan terdesak

*"Bantuan kepada Asnaf Al-Gharimin (golongan yang dibelenggu hutang) layak menerima peruntukan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui bahagian baitul mal jika golongan tersebut terpaksa berhutang atas faktor memenuhi keperluan asas dan bukan bagi yang berhutang dengan pinjaman tidak berlesen."*

### GEJALA CETI HARAM

\* Menjalankan perniagaan pinjaman wang tanpa lesen yang sah.

\* Perkhidmatan pinjaman kewangan mengandungi unsur riba' dengan dikenakan bunga jika lewat bayar.

\* Aktiviti mereka melakukan kekerasan dan ugutan.

### LANGKAH PERANGI KEGIATAN CETI HARAM

# Pihak berkuasa mengambil tindakan memberhentikan pemberian lesen kepada pemimjam wang berlesen.

# Pihak kerajaan mengadakan kempen kesedaran atau khidmat nasihat.

# Masyarakat berusaha besar-besaran menurunkan iklan ah long di kawasan perumahan.

### HUKUM PINJAMAN AL-ARIYAH DAN AL-QARD

#### Hukum Al-Ariyah      Hukum Al-Qard

a) Harus                  a) Sunat

*"Tidak harus beri pinjam jika tahu wang atau barang tersebut digunakan untuk tujuan yang haram atau maksiat kerana boleh dianggap bersubahat dalam aktiviti diharamkan syarak"*

### RUKUN PINJAMAN AL-ARIYAH

A) Pemimjam              -berakal dan baligh

-orang yang dikenali

B) Pemberi pinjam        -ahli tabarru yang boleh urus harta

pinjam                    tersebut

-hak milik penuh barang tersebut

-bukan paksaan

C) Barang pinjam        -barang yang dapat diambil manfaatnya

-barang yang kekal keadaan

asalnya semasa dipinjamkan

D) Sighah                 -ada lafadz ijab qabul yang menunjukkan meminjam dan

memberi pinjam sebagai tanda setuju

### RUKUN PINJAMAN AL-QARD

A) Pemimutang            -tiada paksaan

-ahli tabarru yang memiliki harta itu

-tidak gila dan bukan kanak-kanak

### RUKUN PINJAMAN AL-QARD (cont)

B) Penghutang            -mampu bayar balik pinjaman

-bukan mahjur alaih kerana safih

C) Barang yang dihutang    -barang mithliy (boleh dikira)

-barang yang boleh dipulangkan seperti duit

D) Sighah                 -lafaz ijab oleh penghutang dan qabul oleh pemutang



By Farah Madihah  
[cheatography.com/farah-madihah/](https://cheatography.com/farah-madihah/)

Published 16th June, 2020.

Last updated 15th June, 2020.

Page 2 of 2.

Sponsored by [CrosswordCheats.com](http://crosswordcheats.com)

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>